



Good food, Good life

Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 22 Julai, 2021

Nestlé Malaysia hulus bantuan kepada lebih 20,000 isi rumah di Lembah Klang

Galakkan semua di Malaysia untuk mendapatkan vaksin

Sejajar dengan komitmen berterusannya untuk menyokong rakyat Malaysia sepanjang pandemik, Nestlé Malaysia terus berusaha menghuluskan bantuan kepada keluarga dan individu yang memerlukan. Syarikat tersebut baru-baru ini berganding bahu dengan sembilan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), iaitu Pembangunan Sumber Manusia bagi Kawasan Luar Bandar, (DHRRA), Empire Project, Happy Bank Crew, Hunger Hurts Malaysia, INSAF Malaysia, Kechara Soup Kitchen, PERTIWI Soup Kitchen, The Lost Food Project dan Yayasan Food Bank untuk menyalurkan sumbangan makanan.

Inisiatif terbaharu ini bakal menyantuni lebih daripada 20,000 penduduk di kawasan Lembah Klang, termasuk warga emas, individu kurang upaya, ibu bapa tunggal dan keluarga berpendapatan rendah, serta komuniti Orang Asli di kawasan ini. Syarikat tersebut akan membantu mengisi bekalan makanan bagi bank makanan dan pusat pengagihan makanan yang dikendalikan oleh NGO.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, "Memandangkan pandemik COVID-19 terus memberi kesan luar biasa terhadap kehidupan kita semua, adalah penting bagi kami untuk terus menyokong mereka yang memerlukan. Oleh yang demikian, kami akan mengagihkan bekalan makanan keperluan, menerusi kerjasama dengan rakan-rakan NGO bermula di Lembah Klang dan secara beransur-ansur meliputi negeri lain seperti Sabah, Johor, Negeri Sembilan, Pahang dan Kelantan."

Menerusi pelbagai kerjasama yang terjalin, Nestlé menyumbangkan produk bermutu tinggi dari jenama-jenama seperti MAGGI, MILO, EVERYDAY MILK, NESTUM dan CERELAC. Usaha ini adalah yang terbaharu daripada pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh syarikat tersebut untuk menyokong masyarakat.

Selepas memenuhi janji untuk menyumbang RM15 juta untuk menyokong rakyat Malaysia sepanjang pandemik COVID-19 pada 2020, Syarikat tersebut turut memberikan sumbangan berjumlah RM7.5 juta setakat ini, pada 2021.

Di samping itu, Nestlé telah melancarkan satu kempen komunikasi baru-baru ini bagi menggalakkan semua warga Malaysia untuk bersama-sama 'sertai perjuangan ini, hentikan COVID-19!' dengan mendapatkan vaksinasi tanpa keraguan. Dalam kempen yang diadakan dari 15 Julai hingga 22 September 2021 ini, Nestlé akan menghadihkan baucar-baucar e-dompet dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM500,000 secara percuma bagi mereka yang mendaftar untuk vaksin COVID-19. Para peserta bertuah yang terpilih juga berpeluang mengambil bahagian, memenangi hadiah dan memberikan penghargaan mereka kepada kakitangan barisan hadapan pilihan mereka dalam satu rancangan pengiktirafan khas di TV yang dianjurkan oleh Nestlé dengan kerjasama Media Prima.

"Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan terus menjadi tunggak utama yang menerajui perjuangan menentang pandemik. Nestlé Malaysia menyokong sepenuhnya program vaksinasi dan berharap ganjaran ini memberikan insentif kecil tambahan kepada semua orang untuk mendapatkan vaksin," tambah En. Aranols.

Mereka yang telah mendaftar untuk pemvaksinan COVID-19 di aplikasi MySejahtera, dan juga yang telah menerima dos vaksin pertama atau kedua mereka seperti yang dipaparkan pada profil MySejahtera masing-masing, layak untuk menghantar penyertaan dan merebut peluang memenangi baucar e-dompet Lazada bernilai RM20 secara percuma untuk penduduk Semenanjung Malaysia, baucar Boost untuk penduduk Sabah atau baucar Sarawak Pay e-Wallet bagi penduduk Sarawak, dengan sejumlah 25,000 baucar untuk dimenangi.

Untuk mengambil bahagian, sila kunjungi laman web kempen untuk mengisi borang dan memuat naik imej skrin halaman pendaftaran vaksin atau sijil digital pada profil MySejahtera. Tiada pembelian produk diperlukan untuk menyertai kempen ini dan setiap peserta layak untuk menghantar satu penyertaan sahaja. Kempen ini terbuka kepada semua orang yang bermastautin di Malaysia.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang kempen serta terma dan syarat, sila kunjungi <https://www.dearnestle.com.my/ganjaran-vaksin-nestle>.

Tentang Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Dengan ibu pejabat yang terletak di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 buah negara di seluruh dunia dan kesemua pekerja kami seramai lebih 270,000 orang komited dalam membantu mencapai tujuan Nestlé untuk merungkai kuasa makanan demi meningkatkan kualiti kehidupan bagi semua, pada hari ini dan untuk generasi akan datang. Matlamat kami didorong oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Sejak tahun 1912, Nestlé dipercayai oleh para pengguna kami menerusi jenama-jenama dan produk kami yang berkualiti. Kami komited dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat di mana saja kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan integriti Halal. Ini selaras dengan janji kami dalam memberikan "GOOD FOOD, GOOD LIFE" kepada semua.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai bagaimana kami telah membantu rakyat Malaysia menjalani kehidupan sihat selama lebih satu abad, sila layari www.nestle.com.my atau laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/Nestle.Malaysia>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6650

Mobile: +6012-235 6865

E-mail: shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com

Alya Nurina atau Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

+6010 -221 8216 (Alya) atau

+6017 237 9048 (Yasmin)

E-mail: acorncommunications@acornco.com.my